

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN DUNIA MELAYU DUNIA ISLAM KALI KE-15  
27/10/2014**

**HOTEL HATTEN, BANDA HILIR, MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakub,  
Yang Di Pertua Negeri Melaka;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina Binti Kassim,

Saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakub, Yang Di Pertua Negeri Melaka, dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato'zurina Binti Kassim Ke Majlis Perasmian Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Kali Ke-15.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari lahir yang ke-77 kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakub, Yang Di Pertua Negeri Melaka. Saya dan isteri mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat, dilanjutkan usia dan dimudahkan rezeki.

Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan amat bererti sekali dan telah memberi perangsang kepada ahli-ahli Dunia Melayu Dunia Islam untuk merealisasikan matlamat menjadikan umat Melayu sebagai umat yang maju dan progresif.

Saya memohon keizinan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin.

YAB Datuk Seri Ir.Haji Idris Bin Haron,  
Ketua Menteri Melaka Dan Y.Bhg. Datin Seri Hajjah Fadhillah Binti Abdullah

YB Datuk Wira Haji Othman Bin Muhammad,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka dan Y.Bhg. Datin Wira Halimah Binti Baba

YB Senator Tan Sri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam,  
Presiden Dunia Melayu Dunia Islam dan Y.Bhg. Puan Seri Datuk Wira Hajjah Asmah Binti Abdul Rahman

YB Datuk Wira Haji Naim Bin Abu Bakar,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan Y.Bhg.Datin Wira Hajjah Rafeah Hanim

Yth. Dr.Haji Zaini Abdullah,  
Gabenor Aceh Dan Ibu

YBhg Datuk Oukhna Othman bin Hassan,  
Pengerusi DMDI Kemboja

YB Datuk Dr.Abu Bakar bin Mohd Diah,  
Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia

Y.Bhg. Prof (Adj) Datuk Haji Mohd Jamil Bin Mukmin,  
Naib Pengerusi Dunia Melayu Dunia Islam;

Y.Brs Encik Mohd Nizam Bin Haji Omar,  
Setiausaha Agung Dunia Melayu Dunia Islam

Ahli-ahli penal kertas kerja Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam kali ke-15,

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,

Para-para peserta Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Kali Ke-15,

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian.

Indah berbalam si awan petang  
Berarak di celah pepohon ara  
Pemanis kalam selamat datang  
Awal bismillah pembuka bicara

Kapal belayar sarat muatan  
Nelayan di laut sedang memukat  
Walau jauh seberang lautan  
Kerana DMDI terasa dekat

1. Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersama-sama di dalam Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam kali ke-15 pada malam ini. Saya mengucapkan syabas kepada YB Senator Tan Sri Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam kerana berjaya mengadakan konvensyen ini dengan tema "Wasatiyyah

Asas Perpaduan Ummah”.

2. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam yang mula bersidang pada hari ini. Kehadiran anda semua sungguh memberi erti kepada perjuangan Dunia Melayu Dunia Islam untuk menyatupadukan umat Melayu Islam di seluruh dunia.

3. Berdasarkan keterangan al-Quran sendiri, wasatiyyah merujuk kepada maksud keadilan, kesederhanaan dan jauh dari sifat melampau. Pengertian wasatiyyah bagi umat Islam bermaksud satu umat yang adil, istiqamah, seimbang, terbaik dan cemerlang. Sepertimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, Ayat 143:

لِّيُكْمِ شَهِيدًا وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ ع

Yang bermaksud:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.

4. Saya percaya umat Islam khususnya di Nusantara ini telah sehati dengan nilai dan amalan wasatiyyah yang mementingkan prinsip kesederhanaan, keadilan dan keseimbangan serta menjauhi sikap yang melampau dalam kehidupan. Misalnya, dalam menerima perbezaan dan kepelbagaian masyarakat majmuk di Nusantara yang terdiri daripada pelbagai ras dan keturunan, tidak pernah tercatat di dalam sejarah berlakunya pergolakan atau peperangan yang disebabkan oleh perbezaan amalan agama, budaya atau tradisi di rantau ini. Malah, masyarakat Melayu yang mula menerima agama Islam semenjak kurun ke-7 Masihi telah dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni dengan penganut agama-agama lain. Ketikamana benua Eropah menjadi medan pertempuran dan pertembungan antara tamadun (clash of civilizations), Nusantara sebaliknya muncul sebagai lembah yang amat subur dalam memupuk hubungan yang harmonis antara tamadun-tamadun besar di dunia. Selain itu, sifat akomodatif agama Islam juga telah memberi ruang kepada beberapa bentuk amalan tradisi masyarakat Melayu untuk terus diamalkan sehingga ke hari ini.

5. Saya fikir, tasawwur umat Melayu telah lama dibentuk oleh ajaran Islam yang menerima fitrah kepelbagaian sebagai satu anugerah Allah s.w.t. Sepertimana firman Allah dalam Surah Al-Hujrat, Ayat 13:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ اتَّقَىٰ تِلْكَ أَيْهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu

6. Penerimaan terhadap kepelbagaian dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmonis hanya dapat direalisasikan sekiranya kita dapat menghindari sikap yang melampau baik dalam amalan agama atau sentimen kaum. Pada hemat saya, prinsip wasatiyyah yang mementingkan keadilan dan keseimbangan dalam hubungan sesama manusia merupakan formula terbaik untuk mengekalkan keharmonian dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini. Tanpa disedari, kita sebenarnya telah pun mengamalkan prinsip penting ini dalam mengekalkan keharmonian di negara kita sejak sekian lama. Kesediaan masyarakat majmuk di Malaysia untuk bertoleransi dan berkompromi dalam perkara-perkara yang menyentuh tentang kepentingan kaum dan agama merupakan formula asas yang menjamin keseimbangan serta keharmonian dalam hubungan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

7. Beberapa perkembangan mutakhir yang berlaku di negara kita, khususnya yang berkait dengan isu-isu yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, memerlukan masyarakat di negara kita kembali menghargai dan menghayati semangat toleransi yang telah wujud sejak sekian lama. Malah, saya fikir cabaran yang kita hadapi pada hari ini jauh lebih hebat berbanding dua atau tiga dekad yang lampau. Apabila isu agama yang amat sensitif sudah mula menjadi medan pertikaian baharu dalam hubungan antara kaum, ditambah pula dengan ledakan teknologi maklumat yang memudahkan penyebaran pelbagai cerita sensasi yang belum tentu benar di media sosial, saya merasakan bahawa tugas kita untuk mengekalkan keharmonian dan keseimbangan dalam masyarakat majmuk menjadi semakin mencabar. Apatah lagi jika ada pihak yang mengambil tindakan melampau batasan moral, etika dan undang-undang dalam mendesak atau mempertahankan sesuatu yang difikirkan hak mereka, maka sudah tentulah keadaan di negara kita tidak akan menjadi aman, malah bertukar menjadi porak peranda.

8. Oleh yang demikian, pada hemat saya cara yang terbaik untuk mengatasi cabaran ini ialah setiap daripada kita mesti berusaha untuk menghindari sikap yang melampau. Dalam ertikata yang lain, amalkanlah prinsip wasatiyyah yang mementingkan keadilan, keseimbangan dan kesederhanaan dalam segenap aspek kehidupan kita. Saya percaya sekiranya kita dapat mengekalkan keseimbangan dalam hubungan antara kaum dan agama serta menjauhi sikap yang melampau, maka kita akan dapat terus memelihara keamanan

dan keharmonian di negara kita.

9. Bagi masyarakat Melayu Islam, kita juga mesti berwaspada dengan kemunculan pelbagai fahaman melampau dalam amalan agama yang sekiranya tidak dibendung boleh mencetuskan persengketaan sesama umat Islam. Ini termasuklah fahaman yang menggalakkan budaya ekstremisme, permusuhan dan keganasan atas nama Islam. Sebagai agama yang menyeru umatnya supaya menjadi “ummatan wasata”, maka saya percaya prinsip wasatiyyah jugalah yang menjadi paksi kesatuan dan kekuatan umat Islam di Malaysia dan di seluruh dunia.

Ladies and gentlemen,

10. I would like to express my gratitude to all participants of this 15th Malay World and Islamic World Convention. With your presence, insyaAllah, this convention will be the catalyst that ignites the spirit of unity among the Muslim ummah across the world. We know that the Muslim world is now facing the most challenging time in our history. The ensuing crisis in the Middle-East, the Israeli's continued aggression in Palestine and Gaza, and the plight of Muslim minorities across the world tell us that we must stand strong and united.

11. I believe, as God says in the Qur'an, that He created Muslims to be “ummatan wasata” – an ummah justly balanced – the Muslims all over the world will once again reinvigorate the Qur'anic spirit of justice and compassion, and find ways and means to emerge as the most successful ummah in perpetuating global peace and harmony.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

12. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dunia Melayu Dunia Islam yang sudi menjemput saya untuk merasmikan konvensyen pada malam ini.

Bunga dedap di atas para  
Anak dusun pasang pelita  
Kalau tersilap tutur bicara  
Jemari disusun maaf dipinta

Kalau pergi tanjung keramat  
Anak manis jangan diangkat  
Bersama kita memohon rahmat  
Moga majlis mendapat berkat

Tuan Yang Terutama Tun,

13. Demikianlah ucapan saya di Majlis Perasmian Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Kali Ke-15. Saya yakin kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan telah memberi semangat dan galakan kepada para peserta konvensyen ini untuk berusaha memperkukuhkan perpaduan dan kesatuan ummah berteraskan prinsip wasatiyyah.

14. Saya sekeluarga mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta keluarga dilimpahi rahmat Allah s.w.t dan Tuan Yang Terutama Tun sendiri sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat untuk terus menerajui negeri Melaka.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Kali Ke-15.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.